

03/05/2000

97 pendidik dianugerah tokoh guru

Syuhada Choo Abdullah

SETIAP kali Hari Guru yang disambut pada 16 Mei, antara acara menarik yang ditunggu-tunggu ialah penganugerahan Tokoh Guru Kebangsaan yang diberikan kepada pendidik dan bekas pendidik sebagai penghargaan di atas sumbangan besar yang diberikan sepanjang perkhidmatan mereka.

Anugerah yang diperkenalkan sejak 1975 itu juga adalah satu pengiktirafan kerajaan terhadap kewibawaan seseorang guru berdasarkan kriteria ditetapkan.

Setakat ini, seramai 97 pendidik sudah terpilih menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan. Pada tahun ini, lima lagi Tokoh Guru Kebangsaan akan diumumkan sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perak.

Mereka yang memenangi anugerah itu, turut menerima hadiah berupa pingat emas bernilai RM2,000, cenderamata serta sijil.

Dalam pemilihan Tokoh Guru Kebangsaan, beberapa kriteria telah ditetapkan, antaranya ialah perkhidmatan cemerlang di bilik darjah, sumbangan cemerlang kepada profesion keguruan dan pendidikan, pembabitan aktif dalam kegiatan luar bilik darjah dan juga khidmat masyarakat, serta kecemerlangan dalam bidang lain.

Antara syaratnya pula ialah seseorang calon itu hendaklah berumur 50 tahun ke atas, sama ada masih berkhidmat atau sudah bersara, tidak termasuk persaraan pilihan melainkan atas sebab kesihatan; sedang atau sudah berkhidmat sebagai guru, pengetua, guru besar, pensyarah atau pentadbir di dalam perkhidmatan pendidikan, dan calon Tokoh Guru untuk peringkat kebangsaan seboleh-bolehnya hendaklah dipilih dari kalangan tokoh yang sudah dianugerahkan Tokoh Guru Negeri.

Selain itu, pemilihan calon Tokoh Guru juga boleh dibuat ke atas tokoh yang sudah meninggal dunia, manakala kesatuan perkhidmatan perguruan pula boleh membuat pencalonan pada peringkat negeri dan kebangsaan.

Mereka yang pernah menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan sejak ia diperkenalkan pada tahun 1975 ialah Zainun Munshi Sulaiman, Mohd Nor Ahmad, Ting Pin Sung, A V Perumal dan Tan Chong Bee pada 1975; Kassim Harun, Mohammad Abdullah, Ali Mohd Yunus, V K Thailaikkannu dan Tan Chee Meng (1976); Abu Bakar Al Bakir, Qua Chiew Kooi, Ahmad Abdul Rahman, Abu Kassim Yusof, Abdul Rahman Md Akib, K Kannan dan Lily Eberwein (1977); Ann Moreira, Bapoo Mohd Hashim, Datuk Abdul Alif Md Arshad, Gurnam Singh, Mohd Nor Abd Hamid dan Waung Yoon Nien (1978); Kapten Datuk Mohd Nor Mohammad, Muhammad Yusof Ahmad dan Mohd Aslie Luttah (1979); Omar Othman, Mohd Diah Abdul Rahman dan Datuk James Frederick Augustine (1980).

Mohd Yusof Badin, Maimunah Abdul Rahman dan Othman Ali (1981); Datuk Zainal Abidin Ali, Abd Rashid Ahmad dan Mohd Zain Rashid (1982); Datuk Polycrap Sim Sheng Mong, Muhammad Zain Ayub dan Ang Kean Kah (1983); Abd Razak Abd Hamid, Shaharom Husain, Muhammad Bujang dan Hendon Din (1984); A Ali Manjang, Ahmad Kotot, Idris Abd Salam dan Yasin Saleh (1985); Datuk Abd Aziz Tapa, Rasamnah Naomi Bhupalan Rajendran dan Datuk Ariffin Md Nam (1986); Datuk Paduka Sheikh Abd Mohd Noor, Chang Min Phang Paul dan Hashim Abd Rahman (1987); Sulaiman Ebi, Visalacey Muttu dan Harith Muhammad Liki (1988); Mohamed Ali Mohamed, Goon Koo Leong, Raja Lope Ahmad Raja Mohd Ali; Saidah Mohd Fadlullah (1989); Datuk Idris Tain, Abdullah Sani Abu Bakar dan Michael Graham Parry (1990).

Datuk Parman Hassan Raji, Datuk Abbas Muhammad dan Dawn Parry (1991); Datuk Ibrahim Sulaiman, Siti Bidayah Din dan Lau Hut Yee (1992); Datuk

Abdul Aziz Ismail, Ibrahim Yaakob, Mohd Said Saidin dan Datuk Mohd Taib Omar (1993); Wan Samsuddin Mohd Yusof, Nordin Mahmood, Jikal Gabie dan Khor Beng Hoe (1994); Jaaman @ Sharman Abu, Anthony Reynolds Peter, Wan Din Wan Mat dan Amirbek Amir Husain (1995); Anthony Lim Peng Hwa, Embun Muhamad Ali, Irene Syawe Chin Chi dan Abdul Razak Ismail (1996); Datuk Jumat Datuk Mohd Nor, Datuk N S Selvamany, Harun Hassan dan Aminuddin Muhammad (1997); Datuk Abdul Rahim Abdul Majid, Datuk Dr Yahaya Ibrahim, Mohd Tahir Ahmad dan Mohammed Ali (1998); serta Molly Chong Nee Molly Gee, Mohd Mokhtar Talib, Rahmah Hussain, Hambali Abdul Razak dan Kasim Muhammad (1999).

(END)